

AWASI ANAK-ANAK KETIKA MENGGUNAKAN PERANTI PINTAR

Oleh: Nurul Najihah binti Muhamad Alexandra, 1171844,
Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 11 Ogos 2020



Kanak-kanak dahulu dan sekarang melalui zaman yang berbeza di mana ia memberi kesan terhadap cara mereka dibesarkan.

Jika dahulu, semuanya dilakukan secara tradisional manakala sekarang berbeza sepenuhnya. Dengan bantuan teknologi, kehidupan anak-anak sekarang ketika membesar menjadi lebih mudah.

Pada tahun 2010, Steve Jobs telah melancarkan iPad yang merupakan peranti berteknologi tinggi mengatasi komputer riba dan telefon pintar.

Walau bagaimanapun, dalam satu wawancara bersama New York Times, Jobs membuat pengakuan bahawa beliau tidak memberi iPad kepada anak-anaknya. Bukan kerana beliau kedekut tetapi beliau mengehendkan penggunaan peranti untuk mereka.

Perkara sama turut dilakukan oleh Bill Gates di mana beliau tidak memberikan anak-anak beliau memiliki telefon bimbit sebelum mereka berumur 14 tahun.

Menurut pengasas Microsoft itu, ketagihan peranti mampu menyebabkan kehidupan anak-anaknya terganggu kerana mereka tidak melakukan aktiviti lain.

Gates juga tidak mahu mata anak-anaknya rosak dan perkembangan otak serta kemahiran fizikal mereka terjejas.

Kira-kira 80 peratus perkembangan otak berlaku ketika kanak-kanak berusia 3 tahun. Pada peringkat usia tersebut, kanak-kanak perlu diberi rangsangan sensori untuk pembangunan otak.

Akademi Pediatrik Amerika menyarankan supaya kanak-kanak berumur antara 2 hingga 4 tahun dibenarkan menggunakan peranti pintar dua jam sehari sahaja manakala kanak-kanak berumur di bawah 2 tahun tidak boleh menggunakan peranti sama sekali.

Tindakan membenarkan anak-anak menggunakan peranti pintar untuk permainan video boleh mengundang kesan negatif terhadap mereka.

Kanak-kanak terbabit lazimnya bersikap kasar dan kurang sabar lebih-lebih lagi jika mereka inginkan sesuatu.

Lebih memburukkan keadaan, mereka boleh mengalami ketagihan peranti pintar yang teruk dan meragam jika tidak diberikan alat tersebut.

Ibu bapa seharusnya menghadkan penggunaan peranti pintar terhadap anak-anak mereka dan tidak membenarkan mereka memilikinya sebelum berumur 14 tahun.

Dari sudut positif, peranti boleh digunakan sebagai alat bantuan mengajar yang menyeronokkan untuk anak-anak yang masih kecil.

Apa yang lebih penting, ibu bapa mesti memantau penggunaan peranti pintar anak-anak supaya mereka tidak terlalu kerap menggunakannya sehingga boleh menyebabkan ketagihan yang teruk.